

PENJAWAT AWAM PERLU BIJAK URUS KEWANGAN

Manfaatkan kenaikan gaji



Bersama
**Prof Madya Ts
Dr Md Fauzi
Ahmad**

enaikan gaji penjawat awam adalah berita gembira yang amat dinantikan terutama dalam suasana ekonomi yang mencabar sekarang.

Kenaikan ini membabitkan pelbagai kumpulan jawatan dalam perkhidmatan awam, dengan kadar kenaikan berbeza mengikut kategori pekerjaan.

Secara keseluruhan, pelarasan ini dijangka meningkatkan pendapatan penjawat awam antara 16.8 peratus hingga 42.7 peratus, menjadikannya perkembangan positif bagi kewangan mereka.

Dalam keadaan kos sara hidup yang terus meningkat, peningkatan gaji ini memberi peluang penjawat awam memperbaiki keadaan kewangan mereka.

Peluang dan cabaran

Kenaikan gaji adalah satu langkah positif bagi membantu meringankan beban kos sara hidup yang meningkat setiap tahun. Namun, penting untuk diingat bahawa kenaikan gaji tidak seharusnya menjadi alasan untuk meningkatkan gaya hidup secara berlebihan atau membuat keputusan kewangan yang tidak bijak. Sebaliknya, ia perlu dilihat sebagai peluang memperbaiki keadaan kewangan, termasuk melangsaikan hutang sedia ada.

Data menunjukkan bahawa penjawat awam, terutama mereka yang berada di gred rendah, kerap kali bergantung kepada pinjaman peribadi untuk menampung keperluan asas.

Menurut laporan Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa), 800,000 penjawat awam mengambil pinjaman peribadi dengan jumlah bayaran balik tahunan mencecah RM14.4 bilion.

Menurut data, pinjaman baharu penjawat awam lazimnya meningkat menjelang sesi pembukaan sekolah, kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi dan menjelang musim perayaan.

Pengurusan hutang

Pengambilan pinjaman yang berlebihan akan berhadapan bayaran balik bulanan yang tinggi, yang boleh mencecah sehingga 60 peratus daripada

gaji. Ini adalah satu tahap keberhutangan yang sangat membimbangkan kerana ia meninggalkan sedikit ruang untuk perbelanjaan harian dan keperluan lain.

Sekiranya tidak diurus dengan baik, keadaan ini boleh membawa kepada masalah kewangan yang lebih besar, termasuk risiko diisytiharkan mufliis.

Untuk mengelakkan situasi ini, penjawat awam perlu memastikan mereka tidak mengambil pinjaman melebihi kemampuan. Salah satu cara untuk mengawal hutang adalah dengan menetapkan had keberhutangan yang selamat, biasanya tidak lebih daripada 30-40% daripada pendapatan bulanan. Ini akan memastikan baki pendapatan mencukupi untuk perbelanjaan harian dan simpanan.

Mengurus hutang dengan bijak adalah langkah pertama yang perlu diambil penjawat awam selepas menerima kenaikan gaji. Salah satu strategi utama adalah dengan memanfaatkan kenaikan gaji untuk melangsaikan hutang sedia ada terutama hutang yang mempunyai kadar faedah tinggi.

Selain itu, penjawat awam perlu berhati-hati dalam membuat keputusan untuk mengambil pinjaman baharu selepas kenaikan gaji.

Selain itu, penjawat awam boleh mempertimbangkan untuk menyusun semula pinjaman mereka dengan kadar faedah lebih rendah atau tempoh pembayaran yang lebih panjang,

yang boleh membantu mengurangkan bayaran bulanan dan memberi lebih ruang dalam bajet bulanan mereka.

Simpanan dan pelaburan

Kenaikan gaji juga memberi peluang penjawat awam untuk meningkatkan simpanan dan melabur untuk masa depan. Dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu, mempunyai simpanan kecemasan adalah sangat penting. Simpanan ini boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan tidak dijangka seperti kos perubatan, tanpa perlu bergantung kepada pinjaman.

Menurut pakar kewangan, adalah bijak untuk menetapkan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada pendapatan untuk simpanan setiap bulan. Dengan kenaikan gaji, jumlah simpanan ini boleh ditingkatkan dan penjawat awam boleh mempertimbangkan untuk membuka akaun simpanan tetap atau melabur dalam instrumen pelaburan yang lebih menguntungkan seperti unit amanah atau saham.

Selain simpanan, penjawat awam juga perlu mempertimbang untuk melabur dalam pendidikan anak-anak atau perancangan persaraan.

Elakkan perangkap hutang

Meskipun kenaikan gaji adalah sesuatu yang positif, penjawat awam perlu berhati-hati supaya tidak terjerat dalam perangkap hutang. Antara kesilapan yang

biasa dilakukan ialah mengambil pinjaman baharu berdasarkan kenaikan gaji tanpa mempertimbangkan komitmen kewangan sedia ada. Ini boleh menyebabkan penjawat awam terperangkap dalam kitaran hutang, di mana sebahagian besar pendapatan digunakan untuk membayar balik pinjaman dan akhirnya mengurangkan kemampuan mereka untuk menyimpan atau melabur.

Peranan kerajaan dan pendidikan kewangan

Kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan penjawat awam mendapat panduan dan sokongan yang diperlukan untuk mengurus kewangan mereka dengan bijak. Salah satu langkah yang boleh diambil oleh kerajaan adalah dengan menyediakan program pendidikan kewangan khusus untuk penjawat awam.

Program ini boleh merangkumi aspek penting seperti pengurusan hutang, simpanan, pelaburan dan perancangan persaraan. Pendidikan kewangan yang baik akan membantu penjawat awam membuat keputusan kewangan yang lebih bijak dan mengelakkan mereka daripada terjebak dalam masalah hutang.

Penulis Pensyarah dan Penyelidik Kanan Pengurusan Teknologi Pengeluaran Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Mengurus hutang dengan bijak adalah langkah pertama yang perlu diambil penjawat awam selepas menerima kenaikan gaji

